

26/09/1998

Malaysia tuan rumah sidang mengenai Aids

MALAYSIA akan menjadi tuan rumah Persidangan Antarabangsa Mengenai Aids di Asia dan Asia Pasifik (ICAAP) kelima yang diadakan pada 23 hingga 27 Oktober tahun depan.

Menurut majalah Riben Merah Quarterly (RMQ), buletin rasmi Majlis Aids Malaysia, negara diberi penghormatan itu berdasarkan kedudukannya yang memudahkan kedatangan peserta Asia dan Asia Pasifik.

Selain itu, negara turut mempunyai infrastruktur yang terbaik serta kemudahan penginapan di hotel dengan harga yang berpatutan.

Kedudukan Malaysia sebagai negara Islam yang membangun dan progresif juga memberi kelebihan berbanding negara Asia lain.

Persidangan pertama di Canberra, Australia 1991 hanya mampu menarik kira-kira 680 penyertaan tetapi meningkat kepada 2,600 pada persidangan kedua di New Delhi, India pada 1993.

Namun di Kuala Lumpur tahun depan dijangka kira-kira 2,500 hingga 3,500 penyertaan akan diterima termasuk saintis, penyelidik sosial, ahli akademik, pegawai kerajaan, pihak media dan pesakit Aids serta saudara dan rakan mereka.

Tema bagi persidangan kali ini ialah Milenium Baru: Tindakan Kawalan dan Bergerak Ke Hadapan.

Tema itu dipilih sebagai kesinambungan daripada empat persidangan lepas pada persidangan terakhir abad ini dan antara isu yang akan ditekankan ialah merangka pelan tindakan untuk tahun berikutnya.

Selain itu, Anugerah Media Riben Merah juga akan diadakan buat kali keduanya pada 1 Disember ini sempena Hari Aids Sedunia.

Majlis itu dijangka dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

(END)